

MEMORANDUM

Kepada : Semua Warga Kerja Tetap PHN
 Daripada : Ketua Divisyen Modal Insan & ESG
 Salinan Kepada : Ketua Pegawai Eksekutif
 Tarikh : 29hb Julai 2025
 Rujukan : PHN/HC/MEMO/2025 (32)
 Perkara : **RYMNET – PERLAKSANAAN BERPERINGKAT SISTEM BARU PERAKAM KEDATANGAN**

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pihak Syarikat akan memulakan proses pertukaran sistem perakam kedatangan daripada BossNet (sistem lama) kepada Rymnet (sistem baru) bermula pada 1hb Ogos 2025 secara berperingkat sebagaimana info di bawah:-

Kategori	BossNet -Sistem Lama	RYMNET- Sistem Baru	Catatan
Jenis input rekod kehadiran	Mesin perakam sedia ada	Beacon with Bluetooth	Memerlukan penggunaan aplikasi Rymnet
Tempoh masa/ peraksanaan	Digunakan sehingga info lanjut dimaklumkan oleh pihak Modal Insan	1. PHNSA2 & PHN PEKAN – 1hb Ogos 2025 2. Kilang-kilang lain – akan dimaklumkan kemudian	


1. Ciri-ciri Utama Sistem Rymnet
 - i) Kehadiran secara masa nyata direkodkan melalui aplikasi Rymnet dalam jarak maksimum 8 meter dari Kawasan Beacon yang ditetapkan.
 - ii) Hanya perlu buka aplikasi Rymnet, Lokasi, bluetooth dan tekan check-In/check-out untuk kehadiran anda direkodkan.
 - iii) Aplikasi ini menyokong sistem operasi Android dan IOS. (Wajib Muat Turun)

2. Tatacara Pelaksanaan Sementara
 - i) Sepanjang tempoh peralihan sistem ini, anda diwajibkan untuk merekodkan kehadiran menggunakan:
 - Sistem Lama (Bossnet): Thumbprint/touch card seperti biasa
 - Sistem Baharu (Rymnet): Check-in/Check-out melalui applikasi
 - ii) Langkah ini penting bagi memastikan proses pemindahan data dan penyelarasan kehadiran dapat dilakukan dengan lancar.
 - iii) Perlaksanaan ini perlu berjalan dengan dua sistem sehingga diberitahu kelak.

Panduan penggunaan sistem kehadiran yang baru adalah seperti dilampiran.

Kerjasama dan perhatian anda amat dihargai.

Sekian, dimaklumkan.



ALIAS MOHAMED LELA